



SIARAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

KOLABORASI CIDB DAN HRDCORP TINGKATKAN KAPASITI PERSONEL PEMBINAAN KE ARAH CR4.0

KUALA LUMPUR, 3 Oktober 2022: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) untuk membangunkan kapasiti di dalam industri pembinaan terutamanya yang berkaitan Construction Revolution (CR) 4.0.

Tiga aspek utama yang ditekankan di dalam MoU tersebut adalah peningkatan kapasiti dalam industri pembinaan, pembangunan program teknologi pembinaan, dan program promosi dan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif peningkatan kemahiran yang dianjurkan CIDB dan HRD Corp.

“Sepanjang fasa pandemik, penggunaan teknologi semakin tinggi apabila kerajaan hanya membenarkan jumlah pekerja yang minima di tapak bina pada satu-satu masa. Syarikat-syarikat pembinaan serta perunding juga terpaksa menggunakan teknologi drone untuk membuat pemantauan projek apabila kehadiran fizikal di tapak projek dan tempat kerja diterhadkan”, kata Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB.

Katanya, pengalaman semasa pandemik menunjukkan biarpun penggunaan teknologi ini adalah kritikal untuk industri pembinaan, ia memerlukan latihan yang mencukupi. Sesebuah organisasi perlu mencari teknologi yang paling sesuai untuk keperluan mereka dan bagaimana cara terbaik untuk menggunakan teknologi tersebut untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

CIDB serta HRD Corp akan bekerjasama untuk melaksanakan pelbagai program latihan serta pentauliahan untuk membangunkan kompetensi kemahiran personel binaan serta kebolehan mengawalselia dan pengurusan projek pembinaan. Kedua-dua agensi akan bekerjasama melaksanakan program kecekapan pengurusan dan keusahawanan kontraktor dalam menjalankan perniagaan.

“Melalui kolaborasi ini kita akan dapat memanfaatkan kepakaran penyedia latihan dalam bidang pembinaan untuk menyediakan program latihan berteraskan majikan bagi menangani jurang kemahiran dalam industri pembinaan. Ini akan membolehkan HRD Corp meneroka program pembangunan teknologi pembinaan dan program pembinaan 4.0 untuk merevolusikan industri ini,” kata Datuk Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

CIDB dan HRD Corp akan memberi fokus kepada pembangunan program teknologi pembinaan seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan program CR 4.0, serta program kesedaran dan promosi untuk menyokong usaha-usaha CIDB dan HRD Corp dalam memperkukuhkan industri pembinaan.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, mewakili CIDB, dan Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood, mewakili HRD Corp.

-TAMAT-

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp)

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM)